

EDISI 10

JUN 2023

# BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



# Larian Lasak Khazanah Alam

**SUHAILA SHARIL & ZAMANHURI ZAINAL ABIDIN**

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Pada 4 Mac 2023, Persatuan Sukan dan Kebajikan Kakitangan (PSKK) UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah mengambil bahagian dalam Karnival Sukan Staff (KARISTA) 2023 bertempat di UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. Sebanyak 15 acara yang telah disertai oleh Pasukan kontinjen dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan, antaranya ialah Bola Tampar Wanita, Bola Jaring, Bowling, Bola Sepak Senior, Sepak Takraw, Dart, Pétanque, Memanah, Bola Tampar Lelaki, Ping Pong, Berbasikal MTB, Ragbi, Larian, Tennis dan Golf. Bagi acara Larian lasak Khazanah Alam dalam Sukan KARISTA UiTM 2023, bermula dengan jarak 10 KM terbahagi kepada beberapa kategori iaitu Lelaki Senior (39 Tahun ke bawah), Lelaki Veteran (40 hingga 49 Tahun), Lelaki Super Veteran (50 Tahun dan ke atas), wanita senior (39 Tahun ke bawah) dan Wanita Veteran (40 Tahun dan ke atas). Pengurus kepada acara larian bagi kontinjen UiTM Negeri Sembilan adalah Encik Zamanhuri Zainal Abidin. Beliau sangat berdedikasi dalam melaksanakan tugas sebagai Pengurus Pasukan Larian.

Bagi menguar-uarkan sekaligus menjemput peserta dari kalangan staf UiTM Cawangan Negeri Sembilan yang berminat untuk menyertai acara larian, satu soal selidik menggunakan aplikasi *Google Form* telah di e-mel kepada semua staf. Antara peserta yang terpilih dalam acara Larian Lasak Khazanah Alam adalah En. Mohd Azrul Rizai Zainal Abidin, Penolong Jurutera ILD Enstek (*Institute of Leadership and Development*), En. Muhammad Syafiq bin Tuzalan, Pengawal Keselamatan ILD Enstek, En. Norakhmalshah bin Nordin, Pembantu Pustakawan Kanan UiTM Kampus Kuala Pilah, En. Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli, Pensyarah UiTM Rembau, En. Muhammad Firdaus Bin Mohamed Yusof, Kerani UiTM Kampus Seremban, En. Muhamad Hanapi Khamis, Pensyarah UiTM Rembau dan Pn. Suhaila Sharil, Pensyarah UiTM Kampus Rembau.

Pada awalnya jarak larian adalah sejauh 10 KM merangkumi kawasan sekitar kampus dan kawasan hutan serta ladang di mana 60% adalah laluan hutan dan ladang manakala 40% lagi adalah laluan kampus. Namun, setelah uji trek dijalankan pada 3 Mac 2023 pada jam 8.00 pagi bertempat di Unit Sukan UiTM Jengka Pahang, hasilnya mendapati hanya 6 KM sahaja yang selamat untuk dilalui iaitu 45% adalah laluan kampus manakala 55% adalah laluan hutan dan ladang. Masa yang diberi adalah 90 minit sahaja untuk menamatkan larian dan water station diletakkan di kilometer ke 3. Peserta juga diberi 3 gelang getah berwarna untuk 3 checkpoint yang dilalui manakala tempat penamat diletakkan mengikut lorong bagi setiap kategori yang dipertandingkan untuk acara larian.

Acara Larian Lasak Khazanah Alam ini telah mendapat sambutan yang luar biasa di mana setiap kontinjen telah menghantar wakil. UiTM Cawangan Pahang telah menghantar 15 penyertaan bagi acara larian, UiTM Selangor 13 orang wakil diikuti dengan UiTM Cawangan Kedah dan UiTM Cawangan Kelantan masing-masing menghantar 11 orang wakil, UiTM Cawangan Sarawak dan UiTM Shah Alam masing-masing menghantar seramai 9 orang wakil, UiTM Cawangan Terengganu 8 Orang, UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan UiTM Cawangan Johor masing-masing menghantar 7 Orang wakil, UiTM Cawangan Melaka 6 orang, UiTM Cawangan Perlis dan UiTM Cawangan Perak masing-masing menghantar 5 orang wakil, UiTM Cawangan Pulau Pinang 4 orang wakil dan yang terakhir UiTM Cawangan Sabah seorang sahaja wakil. Penyelaras bagi Acara Larian Lasak Khazanah Alam adalah En. Nik Hazlan Bin Nik Hashim.

Tepat jam 7.30 pagi, pendaftaran peserta mengikut kategori telah dibuka manakala pelepasan peserta dimulakan secara serentak pada jam 8.10 pagi.



Pelepasan peserta agak lewat dibuat disebabkan oleh ketiadaan pengerusi majlis dan para peserta menyeru supaya pelepasan dilakukan dengan kadar segera kerana debaran mereka kian terasa. Keriuhan acara ini jelas kedengaran seterusnya menggamit suasana hening pada pagi Sabtu yang mulia. Pada pagi tersebut, berlaku kesesakan di dalam Kampus UiTM Jengka berhadapan kolej kediaman disebabkan hujan turun dengan sangat lebat. ditambah pula dengan kenderaan yang berada di bahu jalan dan meletakkan kenderaan dengan sewenang-wenangnya tanpa mengikut papan tanda yang telah ditetapkan. Acara ini menjadl semakin sukar apabila peserta-peserta perlu melalui trek hutan dan ladang. Kondisi trek yang licin dan basah disebabkan hujan memerlukan semua peserta untuk lebih berhati-hati. Peserta dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan, iaitu Pn. Suhaila Sharil telah mengalami masalah pada 1 KM pertama di mana kasut yang digunakan sewaktu larian telah rosak dan tidak dapat digunakan. Oleh itu, beliau terpaksa kembali ke garisan permulaan untuk menukar kasut. Sekembalinya beliau meneruskan acara, beliau telah jauh ketinggalan di belakang. Setibanya di kawasan ladang dan hutan, beliau telah dinasihati oleh Pegawai Keselamatan Tertinggi, iaitu En. Abd Halim Bin Abd Hamid agar berhenti sahaja di checkpoint tersebut atas alasan geografi serta cuaca yang kurang baik. Namun, memikirkan bahawa terdapat amanah yang digalas, maka peserta yang bernama Pn. Suhaila Sharil tetap meneruskan larian walaupun berseorangan. Alhamdulillah, selepas 2 KM, beliau bertemu dengan seorang peserta larian daripada UiTM Cawangan Kelantan.



Penyampaian hadiah telah diadakan tepat pada jam 10.15 pagi di hadapan Unit Sukan UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. Johan bagi acara lelaki senior dirangkul oleh En.Mohd Haziq Bin Awang daripada UiTM Cawangan Selangor dengan catatan masa 25 Minit 37 saat. Naib Johan acara ini dibawa pulang oleh En. Abd Kadir bin Abd Rahman daripada UiTM Cawangan Perlis dan tempat ketiga pula dimenangi oleh En. Mazlam Bin Che Yusoff Gemeti daripada UiTM Cawangan Kelantan.



Bagi kategori lelaki veteran pula, Johan disandang oleh En. Zaidi bin Wasli daripada UiTM Cawangan Sarawak dengan catatan masa 27 minit 31 saat, Naib Johan disandang oleh En. Muhammad Zaki Bin Musa daripada UiTM Shah Alam dengan catatan masa 28 minit 8 saat manakala tempat ketiga dimenangi oleh En. Wan Zukri Bin Wan Abdullah daripada UiTM Cawangan Pahang dengan catatan masa 28 minit 14 saat. Johan Kategori Lelaki Super Veteran pula dibawa pulang oleh oleh en. Rosman Bin Mohd Yaacob daripada UiTM Cawangan Perak dengan catatan masa 33 minit 28 saat manakala Naib Johan disandang oleh En. Noor Izam Bin Samin daripada UiTM Cawangan Melaka dengan catatan masa 33 minit 46 saat dan tempat ketiga dimenangi oleh En. Ahmad Naquiddin Bin Bakar daripada UiTM Shah Alam dengan catatan masa 34 minit 18 saat. Bagi kategori wanita senior, Johan dimenangi oleh Pn. Husna binti Zulkipli daripada UiTM Cawangan Perak dengan catatan masa 33 minit 23 saat manakala Naib Johan disandang oleh Pn. Nuraini Binti Abdul Kassim daripada UiTM Selangor dengan catatan masa 36 minit 39 saat dan tempat ketiga dimenangi oleh Pn. Cecilia Anak Nerok daripada UiTM Cawangan Sarawak dengan catatan masa 39 minit 59 saat.



Bagi kategori wanita veteran pula, Johan dimenangi oleh Pn. Tengku Norashikin Binti Raja Yai daripada UiTM Cawangan Kedah dengan catatan masa 37 minit 10 saat, manakala Naib Johan dimenangi oleh Pn. Kamsiah binti Hassan daripada UiTM Cawangan Terengganu dengan catatan masa 38 minit 46 saat dan Tempat Ketiga diungguli oleh Pn. Aida Binti Mustafa daripada UiTM Cawangan Kedah dengan catatan masa 41 minit 59 saat.



Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada anggota pegawai keselamatan UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka yang sangat peka kepada persekitaran dan laluan trek larian. Walaupun terdapat beberapa kekangan dari segi pengangkutan serta cabaran kerja hakiki yang perlu dilaksanakan, perkara tersebut bukanlah dijadikan penghalang untuk atlet larian

dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan untuk menayakan sukan KARISTA 2023. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh kontinjen UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Terima kasih juga diucapkan kepada sukarelawan KARISTA 2023 yang terdiri daripada pelajar-pelajar UiTM Cawangan Pahang ada di antaranya staff PTFT, iaitu saudari Tijan Binti Abd Rahim yang sangat prihatin membantu para atlet dari segala segi. Semoga ukhwah yang dibina bersama kontinjen UiTM Cawangan Negeri Sembilan berpanjangan dan selamat maju jaya diucapkan kepada semua.

